

Menara Tertinggi di Pantai Timur

oleh Norhidayah Ismail

Kuantan merupakan ibu negeri bagi Pahang Darul Makmur. Jika anda berkunjung ke Kuantan, terdapat pelbagai tempat-tempat menarik yang perlu dilawati antaranya Menara Kuantan 188. Menara Kuantan 188 ini adalah menara yang tertinggi di Pantai Timur dan kedua tertinggi di Malaysia selepas Menara Kuala Lumpur dengan ketinggian 188-meter bermula dari ketinggian di atas tanah sehingga ke hujung bucu antenna menara. Namanya juga bertepatan dengan ketinggiannya 188-meter.

Menara ini dahulunya dikenali sebagai Menara Teruntum sebelum ia dikenalkan sebagai Menara Kuantan 188 yang terletak di Laman Teruntum. Teruntum merujuk kepada satu tumbuhan flora teruntum putih atau nama saintifiknya *lumnitzera racemosa*. Bunga teruntum putih ini dikhabarkan banyak terdapat di sekitar tebing sungai Kuantan dan ini telah memberi inspirasi kepada reka bentuk anjung menara ini.



Antara tarikan menarik yang terdapat di menara ini adalah seperti *Sky Deck*, restoran makanan Jepun, dek pemerhati, laman hijau, kedai cenderamata dan Laman Kuantan 188.

